

قیٰقِن قیٰتہ

PETIKAN TITAH

"HIJRAH adalah paksi tamadun ummah.

Ia berlaku sebagai gerakan dakwah, dan kemudian dakwah itu pula, melahirkan peradaban demi peradaban di serata dunia".

- Titah Sempena Menyambut Tahun Baharu Hijrah 1434.

Waktu Sembahyang



TAHUN 65 / BILANGAN 93

3 OGOS 2020 / 1441 ذوالحجہ 12

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

مانیسٹر ایمان

MANISNYA IMAN

"DAN apa jua musibah yang menimpa kamu, maka ia adalah disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan-tangan kamu dan Allah mengampunkan sebahagian besar daripada dosa-dosa kamu".
- Firman Allah dalam Surah Asy-Syura, ayat 30.



Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

Belia asset berharga, masa depan negara



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Jabatan Penerangan

SETIAP negara pasti mengharapkan untuk mempunyai rakyat yang mampu menyumbang ke arah kemajuan, kejayaan, keamanan dan kemakmuran bagi membangun negara. Dalam hasrat dan cita-cita kita untuk membangun ummah, bangsa dan negara, kita bukan hanya bergantung kepada harta benda, bahkan juga kepada sumber tenaga manusia, iaitu rakyat dan penduduk di negara ini, khususnya golongan belia.

Di Negara Brunei Darussalam, lebih daripada separuh penduduknya adalah berumur di bawah 25 tahun. Mereka yang berumur di antara 15 hingga 24 tahun merupakan jumlah terbesar daripada penduduk keseluruhannya.

Belia merupakan aset yang amat berharga serta tonggak dan kekuatan masa depan negara. Maju atau mundurnya sebuah negara itu bergantung kepada keupayaan, kesanggupan, kebolehan dan ketokohan para belia dalam mencapai pembangunan negara, lebih-lebih lagi Wawasan Brunei 2035.

Oleh itu, golongan belia perlu diasuh, dididik dan diberikan bimbingan yang betul dan sempurna sehingga mereka menjadi golongan yang beriman, berilmu, beramal, dan mempunyai akhlak mulia berpandukan ajaran Islam. Justeru, bimbingan ini akan mengukuhkan jati diri ke arah menjadikan mereka belia yang bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara. Belia yang dididik dan dibimbing dengan nilai-nilai Islam akan tidak mudah

melakukan perkara mungkar dan maksiat.

Negara Brunei Darussalam telah lama menikmati keamanan dan kemakmuran, tetapi masa depan akan membawa banyak cabaran dalam negara ini sendiri, serantau dan antarabangsa. Untuk memastikan cabaran-cabaran ini membawa kesan positif dan bukan sebaliknya, belia itu sendiri dan pihak yang bertanggungjawab bagi perkembangan mereka, iaitu keluarga, masyarakat, majikan dan kerajaan mestilah menerima tanggungjawab masing-masing, terutamanya tanggungjawab untuk bekerjasama bagi perkembangan belia di negara ini.

Cabaran-cabaran yang ada seperti pengangguran yang meningkat di kalangan belia, keperluan untuk membanteras penyalahgunaan dadah, dan memberikan lebih banyak galakan dan peluang bagi penglibatan belia dalam kehidupan sosial, ekonomi dan kebudayaan adalah ketara.

Hari Belia Kebangsaan

Hari Belia Kebangsaan (HBK) merupakan platform kepada para belia untuk mengadakan perjumpaan khusus bagi menghargai sumbangan dalam pembangunan belia. Pengisytiharan HBK oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada setiap 1 Ogos adalah satu keistimewaan kepada belia-belia seperti yang terkandung di dalam Dasar Belia Negara 2002.

Kerajaan baginda dalam usaha membangun belia negara ini sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan-

kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal dan fiskal.

"Kerajaan beta sangat prihatin, supaya para belia jangan hanya duduk-duduk atau asyik berseronok sahaja, tetapi paculah semangat untuk menjalai usaha-usaha yang berkebajikan. Sebagai contoh dari keprihatinan ini, kerajaan beta telah menujuhkan sebuah Jawatankuasa Pandu Keusahawanan Belia. Jawatankuasa ini khusus sebagai pemudah cara bagi para belia memulakan perniagaan dan perusahaan, sehingga dengan itu, akan memungkinkan mereka benar-benar berdaya saing membina diri dan secara langsung menyumbang kepada pembangunan negara. Para belia kita tidak lagi terkurung dalam kekosongan, tetapi telah muncul membawa idea-idea baharu untuk kehidupan. Maka sehubungan ini, kerajaan beta telah mengambil langkah menyediakan beberapa program keusahawanan untuk direbut oleh mereka. Pada tahun lepas, kita telah pun menyediakan 60 kontrak, di mana 10 daripadanya telah dianugerahkan kepada pengusaha-pengusaha belia, sedang sasaran kita sehingga akhir tahun 2021 adalah sebanyak 200 kontrak. Kita tidak mahu untuk hanya jadi penonton, tetapi yang kita mahu ialah untuk bersaing sehingga ke arena global. Namun persaingan, bukanlah dengan tangan kosong, tetapi dengan ilmu, pengalaman dan kemahiran. Tanpa ilmu, pengalaman dan kemahiran, tidak akan ada apa-apa yang boleh dihasilkan". - Petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan HBK kali Ke-14.

Sejajar dengan objektif HBK, iaitu untuk memartabatkan pergerakan belia dengan memperingati dan menyambut HBK serta mengumpulkan belia-belia di seluruh negara dalam satu perhimpunan dengan aktiviti-aktiviti yang bermakna, di samping memberi peluang kepada belia-belia berinteraksi pandangan dan serta pelbagai aspek bertukar-bertukar pendapat dalam pembangunan belia. Sambutan HBK juga merupakan wadah kepada para belia untuk mengadakan perjumpaan khusus bagi menghargai sumbangan dalam pembangunan belia.

Kesimpulan

Belia merupakan pewaris yang bakal menjadi pemimpin dan memikul tanggungjawab bagi menerajui negara di masa hadapan. Oleh itu, untuk melahirkan belia yang berkualiti dan mampu untuk membangun serta memajukan negara memerlukan belia yang cemerlang. Kecemerlangan yang dimaksudkan adalah bersifat menyeluruh, sama ada dari aspek dunia mahupun ukhrawi yang akan melahirkan generasi yang beriman dan bertakwa.

Bagi menjamin kemakmuran dan kemajuan Negara Brunei Darussalam agar berterusan dan sentiasa membangun dari semasa ke semasa, kita amat memerlukan golongan pelapis, iaitu golongan belia kerana mereka lah yang bakal mengganti bagi meneruskan usaha dalam membangun ummah dan negara di masa hadapan.

